



# SOALAN LAZIM (FAQ) PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

## A. OPERASI DI KUIS

### 1. Adakah KUIS akan beroperasi seperti biasa semasa PKPB?

Mohon rujuk Garis Panduan yang telah dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftar berkaitan dengan Garis Panduan Bekerja Semasa Tempoh Perintah Kawalan Bersyarat (PKPB).

## B. KESELAMATAN PEGAWAI

### 2. Bagaimana KUIS memastikan keselamatan dan kesihatan warga KUIS terjaga?

Kehadiran Pegawai dan warga KUIS bagi urusan pentadbiran dan penyelenggaraan di dalam kampus akan dipantau dengan teliti berdasarkan SOP standard yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan KUIS sendiri seperti berikut:

- (a) Kemasukan Pegawai atau warga KUIS ke dalam kampus hendaklah melalui Pintu Masuk Utama sahaja bagi memudahkan pemantauan dilakukan;
- (b) Setiap Pegawai atau warga KUIS yang memasuki kampus hendaklah memakai penutup muka (*face mask*), melakukan pemeriksaan suhu badan di Pintu Masuk Utama KUIS;
- (c) Jika terdapat Pegawai atau warga KUIS yang melebihi suhu  $37.5^{\circ}\text{C}$  semasa saringan suhu badan, pegawai atau warga tersebut tidak akan dibenarkan memasuki kawasan kampus;
- (d) Pegawai KUIS adalah TIDAK dibenarkan membawa ahli keluarga ke pejabat semasa tempoh PKPB bagi tujuan keselamatan dan kesihatan keluarga pegawai serta mengelakkan pertambahan wabak jangkitan;
- (e) Kemudahan *Hand Sanitizer* akan disediakan di lokasi-lokasi strategik terutamanya di kauter/pintu masuk pejabat bagi kegunaan guna sama;
- (f) Penjarakan sosial (jarak 1 meter) hendaklah sentiasa dipatuhi; dan
- (g) Kerja-kerja disinfeksi akan dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan termasuk pada peralatan yang dikategorikan sebagai sering disentuh dengan menggunakan bahan yang telah disarankan oleh KKM.



## SOALAN LAZIM (FAQ) PKPB (sambungan)

### C. KEHADIRAN PEGAWAI

#### 3. Adakah pegawai perlu hadir ke pejabat setiap hari?

Kehadiran pegawai ke pejabat bergantung kepada perancangan Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ). Pertimbangan boleh dibuat atas beberapa faktor antaranya kepentingan tugas, tugas berkemungkinan tidak boleh dilakukan dari rumah serta keseimbangan sistem sokongan keluarga.

#### 4. Berapakah jumlah hari minimum pegawai perlu hadir ke pejabat bagi setiap minggu?

Tidak ada jumlah hari minimum yang ditetapkan untuk pegawai hadir ke pejabat bagi setiap minggu. Ketua PTJ akan merancang penggiliran kehadiran ke pejabat bergantung kepada faktor-faktor yang telah dinyatakan tadi.

#### 5. Adakah pegawai boleh menukar jadual penggiliran yang telah ditetapkan?

**TIDAK BOLEH.** Pertukaran hanya boleh dilakukan atas pertimbangan Ketua PTJ.

#### 6. Jika begitu, adakah pegawai perlu memohon cuti sekiranya perlu menguruskan hal peribadi ketika dijadualkan bertugas?

Ya, pegawai perlu memohon cuti seperti prosedur permohonan cuti yang dipraktiskan di KUIS.

### D. KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)

#### 7. Adakah Ketua PTJ perlu mendapatkan kelulusan Pendaftar seperti sebelum ini untuk menjalankan gerak kerja yang dirancang?

Tidak perlu. Ketua PTJ hanya perlu menghantar perancangan kerja untuk minggu seterusnya kepada Pendaftar melalui e-mel selewatnya pada hari Jumaat minggu tersebut. Perancangan kerja tersebut hanya perlu menyediakan nama pegawai bertugas, tarikh bertugas serta tugas-tugas yang akan dijalankan.



## SOALAN LAZIM (FAQ) PKPB (sambungan)

- 8. Adakah Ketua PTJ masih perlu memantau dan menilai tugas-tugas yang dilakukan oleh pegawai yang bekerja dari rumah sama seperti sebelum tempoh PKPB?**

Ya perlu. Pemantauan dan penilaian masih perlu dilakukan dengan pelbagai kaedah. Ketua PTJ harus menetapkan sasaran kerja bagi pegawai yang bekerja dari rumah dan menilai keberhasilan kerja tersebut. Pegawai boleh menghantar laporan mingguan, carta, jadual dan sebagainya bagi membuktikan kerja telah dihasilkan dengan sempurna. Perbincangan boleh dilakukan antara Ketua PTJ dan pegawai untuk menetapkan kaedah ini.

### E. PENGURUSAN MESUARAT

- 9. Adakah mesyuarat boleh dilaksanakan semasa tempoh PKPB?**

Semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah dimohon melaksanakan mesyuarat secara dalam talian. Mesyuarat bersemuka hanya dibenarkan sekiranya benar-benar perlu dan pihak berkaitan hendaklah mematuhi Prosedur Menghadiri Mesyuarat yang telah dikeluarkan dan tidak melibatkan ahli yang ramai.

### F. PENGANJURAN PROGRAM/MAJLIS

- 10. Adakah KUIS membenarkan penganjuran Majlis Konvokesyen/Persidangan/ Seminar?**

**TIDAK BOLEH.** Semua majlis yang melibatkan perhimpunan orang ramai hendaklah ditangguhkan. Semua persidangan atau seminar hendaklah ditangguhkan pelaksanaannya mengikut arahan Kerajaan dari semasa ke semasa melainkan ianya dilaksanakan secara dalam talian.

### G. PENGURUSAN PELAJAR

- 11. Bagaimana dengan urusan pendaftaran pelajar tempatan baharu?**

Semua urusan pendaftaran pelajar tempatan baharu hendaklah dilaksanakan secara dalam talian mengikut arahan dan tatacara yang selaras dengan arahan dari semasa ke semasa.



## SOALAN LAZIM (FAQ) PKPB (sambungan)

12. Adakah urusan pendaftaran pelajar antarabangsa baharu boleh dilaksanakan?

**TIDAK BOLEH.** Keputusan berkenaan tarikh baharu pendaftaran pelajar antarabangsa akan dimaklumkan kemudian.

### H. PENYELIDIKAN

13. Adakah pungutan data penyelidikan dibenarkan semasa PKPB?

**BOLEH** tetapi secara dalam talian **SAHAJA**.

14. Adakah aktiviti penyeliaan bersemuka dibenarkan semasa PKPB?

**TIDAK BOLEH.**

15. Adakah Pegawai KUIS dibenarkan menghadiri persidangan/seminar secara bersemuka.

**TIDAK BOLEH.**

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR  
11 MEI 2020